

STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN (FASA 2)

NAMA PUSAT : DRAMATIC PLAY @ MAIN PERANAN

FUNGSI : ROLE PLAY @ DRAMA

TAJUK : PANDU CERMAT JIWA SELAMAT

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	FK 5.3	Menjaga keselamatan diri dan mendemonstrasi kemahiran kecekapan psikososial dalam kehidupan harian.
2	STANDARD PEMBELAJARAN	FK 5.3.2	Menyatakan tingkah laku yang boleh menjamin keselamatan diri dan orang lain.
		PM 3.1.2	Mengamalkan tanggungjawab terhadap diri sendiri
3.	STREAM	S	Boleh membezakan warna dan fungsi lampu isyarat
		T	Menggunakan kereta mainan untuk membuat simulasi
		R	Mengamalkan sikap bertolak ansur ketika menaiki kenderaan
		E	Mengenal pasti reka bentuk lampu isyarat
		A	Menyanyi lagu lampu isyarat.
		M	Menukar lampu isyarat mengikut urutan.
4.	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak mematuhi peraturan menaiki kenderaan dan keselamatan di jalan raya.	
5	BBM	kotak, warna air, berus, sellotape, kertas warna, litar laluan kenderaan dan lampu isyarat	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, menghormati, toleransi, dan sabar.	
7	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		
	1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran		

2. Guru menerangkan kepada kanak-kanak mengenai aktiviti yang akan dijalankan dan kanak-kanak di bahagikan kepada kumpulan.
3. Kanak-kanak diminta untuk masuk ke dalam kereta
4. Kanak-kanak diminta untuk memandu kereta ke jalan raya
5. Kanak-kanak dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil.
 - 1 kumpulan sebagai pemandu kereta,
 - 1 kumpulan sebagai lampu isyarat dan
 - 1 kumpulan lagi sebagai pejalan kaki.
6. Guru menerangkan tentang aspek-aspek tentang keselamatan di jalan raya. Sebagai contoh:
 - Mematuhi had laju untuk kenderaan.
 - Patuhi lampu isyarat.
 - Cara melintas dengan betul.
7. Kanak-kanak menjalankan aktiviti cara penggunaan jalan raya dengan betul dan berhemah sambil menyanyikan lagu "lampu isyarat". <https://youtu.be/YOnDbATsO3w>
8. Aktiviti akan diteruskan sehingga semua kumpulan dapat menjalankan aktiviti tersebut.
9. Kanak-kanak dan guru bersoal jawab mengenai aktiviti yang dijalankan.

Nota:

guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak